SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN ISMAIL, JOHOR BAHRU

900/1/U1 **STPM 2024**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENGAJIAN AM

(Dua Jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATION COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

SKEMA JAWAPAN

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

*Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A. Tandakan jawapan yang betul pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang dibekalkan.*

*Jawab **semua** soalan dalam Bahagian B. Jawab dalam ruangan jawapan yang disediakan.*

*Jawab **dua** soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan, tetapi hanya **dua** jawapan pertama yang akan diperiksa.*

Tulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan dengan helaian jawapan yang baharu.

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
Bahagian B	
16	
17	
18	
19	
Bahagian C	
Jumlah	

Bahagian A [*15 markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Yang manakah ciri asas sesebuah negara?

A Diterajui oleh parti politik tertentu

B Ditadbir secara demokrasi berparlimen

C Diperkukuh oleh sistem ekonomi yang baik

D Diperintah oleh sebuah kerajaan yang berdaulat

2 Antara berikut, yang manakah pernyataan yang benar tentang syarat memohon kewarganegaraan melalui naturalisasi?

I Dilahirkan di Persekutuan

II Berkahwin dengan warganegara Malaysia

III Berniat hendak bermastautin tetap di Malaysia

IV Mempunyai pengetahuan memadai dalam bahasa Melayu

A I dan II C II dan IV

B I dan III D III dan IV

3 Yang manakah cara pindaan syarat-syarat kewarganegaraan Malaysia dapat dilaksanakan?

A Majoriti mudah Majlis Parlimen

B Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara

C Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong

D Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja

4 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang peranan Raja atau Yang Dipertua Negeri dalam badan perundangan Negeri?

I Mempengerusikan setiap persidangan Dewan Undangan Negeri

II Merasmikan persidangan pertama Dewan Undangan Negeri

III Memilih dan melantik ahli Dewan Undangan Negeri

IV Memperkenankan Rang Undang-undang Negeri

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

5 Antara berikut, pernyataan yang manakah benar tentang Yang Dipertua Negeri ?

I Dilantik oleh Yang Dipertuan Agong
II Tidak boleh didakwa atas sifat peribadi
III Mestilah warganegara Malaysia melalui kuat kuasa undang-undang
IV Boleh dipecat dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga ahli Parlimen

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

6 Yang manakah merupakan pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam persekutuan?

A Ketua kerajaan
B Ketua Setiausaha Negara
C Ketua Setiausaha Kementerian
D Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam

7 Apakah kriteria penting bagi menentukan pembahagian persempadanan kawasan pilihan raya?

A Jumlah pertambahan penduduk
B Jumlah premis perniagaan
C Jumlah panjang jalan raya
D Jumlah kediaman

8 Anggota Suruhanjaya Pilihan Raya yang boleh dipecat oleh Yang di-Pertuan Agong tanpa melalui tribunal berdasarkan kesalahan

I Menjadi ahli Dewan Undangan Negeri
II Menjadi penasihat Persatuan Pesara Tentera
III Memegang jawatan Pengerusi Belia Felda Malaysia
IV Memegang jawatan Ketua Pengarah Imegresen Malaysia

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Yang manakah pihak yang mempunyai kuasa untuk meluluskan pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan?

A Kerajaan Negeri

B Kerajaan Persekutuan

C Perbendaharaan Negara

D Majlis Kewangan Negara

10

- Menyelaras dasar pinjaman luar.
- Mentadbir peraturan pinjaman kerajaan negeri.
- Meluluskan pinjaman perumahan kakitangan kerajaan.

Pernyataan di atas merujuk kepada peranan

A Bank Negara Malaysia

B Kementerian Kewangan

C Perbendaharaan Negara

D Unit Perancangan Ekonomi

11 Tadbir urus yang baik perlu memberi tumpuan kepada aspek

I Prestasi

II Ketelusan

III Akauntabiliti

IV Pematuhan Kerajaan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

12 Yang manakah cabaran utama kerajaan mewujudkan tadbir urus yang baik?

A Memenuhi transformasi perkhidmatan

B Menyediakan pelan strategik yang mantap

C Menyediakan modal insan yang berkemahiran

D Mementingkan keuntungan optimum perkhidmatan

Bahagian C [*50 markah*]

Pilih **dua** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

20. Penggunaan aplikasi digital dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam mendatangkan pelbagai kebaikan. Huraikan. [25]

21. Budaya buli di institusi pendidikan perlu dihentikan. Pihak institusi pendidikan seharusnya mengambil tindakan yang serius untuk menghentikan budaya ini daripada terus berlaku. Bincangkan. [25]

22. Keruntuhan semangat kejiranan bukan sahaja berpunca daripada perbezaan budaya dalam kalangan masyarakat. Jelaskan. [25]

Bahagian A *[15 markah]*

1	**D**	**4**	**C**	**7**	**A**	**10**	**C**	**13**	**A**
2	**D**	**5**	**B**	**8**	**B**	**11**	**B**	**14**	**B**
3	**D**	**6**	**B**	**9**	**A**	**12**	**C**	**15**	**C**

Jawab **semua** *soalan.*

1 Yang manakah ciri asas sesebuah negara?

A Diterajui oleh parti politik tertentu

B Ditadbir secara demokrasi berparlimen

C Diperkukuh oleh sistem ekonomi yang baik

D Diperintah oleh sebuah kerajaan yang berdaulat

2 Antara berikut, yang manakah pernyataan yang benar tentang syarat memohon kewarganegaraan melalui naturalisasi?

I Dilahirkan di Persekutuan

II Berkahwin dengan warganegara Malaysia

III Berniat hendak bermastautin tetap di Malaysia

IV Mempunyai pengetahuan memadai dalam bahasa Melayu

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

3 Yang manakah cara pindaan syarat-syarat kewarganegaraan Malaysia dapat dilaksanakan?

A Majoriti mudah Majlis Parlimen

B Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara

C Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong

D Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja

Bahagian B *[15 markah]*

Jawab **semua** *soalan.*

20. Huraikan **dua** ciri kebebasan Suruhanjaya Pilihan Raya dalam menguruskan perjalanan pilihan raya. [4]

Bil.	Isi/Idea	Huraian
1	Keanggotaan / Keahlian	• Dilantik oleh YDPA tanpa pengaruh mana-mana pihak. • Tidak boleh memegang apa-apa jawatan lain.
2	Pengaruh	• Tidak dipengaruhi oleh mana-mana parti politik. • Tidak dipengaruhi oleh badan pemerintahan.
3	Kuasa	• Berkuasa penuh terhadap proses pilihan raya.
4	Kelulusan Parlimen	• Segala peraturan mengenai pilihan raya perlu mendapat kelulusan Parlimen.
5	Penyelesaian pertelingkahan	• Segala pertelingkahan dalam pilihan raya diselesaikan di mahkamah.
6	Saraan	• Ditentukan oleh Parlimen daripada Kumpulan Wang Persekutuan Yang Disatukan.
7	Pemecatan ahli	• Hanya dipecat oleh YDPA melalui satu tribunal khas.

21. Nyatakan **empat** fungsi Majlis Raja-Raja. [4]

Bil.	Idea
1	Memilih YDPA / Timbalan YDPA.
2	Memecat YDPA / Ttimbalan YDPA.
3	Mempertimbangkan soal-soal dasar negara.
4	Bersetuju atau tidak bersetuju perbuatan / amalan / upacara agama Islam meliputi seluruh Persekutuan.
5	Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan; i. Perbuatan / amalan berkaitan agama Islam. ii. Keistimewaan, kedudukan, kemuliaan, kebesaran Raja-Raja. iii. Pengubahan sempadan sesuatu negeri. iv. Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera. v. Kepentingan sah kaum-kaum lain. vi. Bahasa Kebangsaan. vii. Kewarganegaraan. viii. Keistimewaan Parlimen. ***Mana-mana satu pilihan diterima.**
6	Memberi rundingan / Berunding tentang pelantikan; i. Ketua Hakim Negara. ii. Ketua Audit Negara. iii. Pengerusi dan anggota suruhanjaya.

Bahagian C *[50 markah]*

Pilih **dua** *daripada soalan dibawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

23. Penggunaan aplikasi digital dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam mendatangkan pelbagai kebaikan. Huraikan. [25]

Bil.	Idea	Huraian
Kebaikan penggunaan aplikasi digital		
1	Meningkatkan keyakinan / kepuasan / kepercayaan pelanggan	• Pelanggan tidak perlu ke kaunter untuk berurusan. • Kurang aduan disebabkan kelemahan sistem penyampaian perkhidmatan awam. • Pelanggan lebih yakin terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.
2	Memudahkan urusan pelanggan	• Menjimatkan masa pelanggan. • Tidak mengganggu urusan harian pelanggan yang lain. • Boleh dibuat pada bila-bila masa.
3	Meningkatkan keyakinan pelabur	• Menarik minat pelabur disebabkan kecekapan pekhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. • Mudah para pelabur berurusan dengan pihak kerajaan. • Yakin terhadap kreadibiliti kerajaan dalam menguruskan sesuatu projek.
4	Meningkatkan integriti penjawat awam	• Mengelakkan berlakunya salah guna kuasa. • Mengurangkan amalan rasuah dalam kalangan penjawat awam. • Memupuk sikap bertanggungjawab dan integriti dalam melaksanakan tugasan.
5	Meningkatkan imej perkhidmatan awam	• Memberi tanggapan yang baik terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam. • Kurang aduan dan meningkatkan imej perkhidmatan awam. • Meningkatkan keyakinan pelanggan.
6	Mengurangkan karenah birokrasi	• Proses sesuatu permohonan lebih mudah. • Tidak perlu melalui pelbagai peringkat kelulusan. • Sesuatu permohonan dijamin cepat.
7	Meningkatkan kecekapan pengurusan perkhidmatan awam	• Penggunaan aplikasi digital meningkatkan kecekapan pengurusan. • Semua dokumen / fail disimpan dalam pengkalan data yang boleh diakses pada bila-bila masa.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta